

LANGSUNG: Najib bentang Bajet 2016 di Dewan Rakyat
Malaysian Insider
Oct 23, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak membentangkan bajet ke-7 beliau di Dewan Rakyat hari ini, ketika keadaan ekonomi yang mencabar akibat harga minyak yang rendah dan ringgit yang lemah.

Ketika Bajet 2015 dibentangkan pada Oktober lepas, minyak berada pada AS\$100 setong dan ringgit pada RM3.20 berbanding dolar AS.

Kini, ringgit melepasi tahap RM4 dan harga minyak setong kurang daripada separuh harganya pada tahun lalu, membuatkan pakar ekonomi menggambarkan Bajet 2016 sebagai tindakan mengimbangkan antara perbelanjaan dan defisit.

Bajet ini akan menjadi yang pertama di bawah Rancangan Malaysia ke-11 – satu pelan induk yang mencartakan pembangunan negara mulai tahun depan hingga 2020.

The Malaysian Insider akan membawa intipati penting dalam ucapan bajet Najib.

Ikut siaran langsung Bajet 2016 di sini:

- Bagi Menghargai Perkhidmatan Awam, atas segala sumbangan dan khidmat bakti kepada negara, kerajaan bersetuju:

1. Beri faedah pemindahan gaji bersamaan 1 kenaikan gaji tahunan ikut gred yang akan memanfaatkan 1.6 juta dgn peruntukan RM1.1 bilion;

2. Menambah baik sebanyak 252 skim perkhidmatan yang akan memanfaatkan 406,000 penjawat awam;

3. Menetapkan gaji permulaan terendah dalam Perkhidmatan Awam kepada RM1,200 sebulan yang akan memanfaatkan 60,000 penjawat awam;

4. Menetapkan kadar pencen minimum RM950 sebulan, melibatkan hampir 50,000 pesara awam dengan sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan.

5. Melantik tetap pegawai lantikan Contract of Service yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun. Memanfaatkan 10,000 pegawai kontrak.

- Pelaksanaan semua langkah ini akan berkuatkuasa pada 1 Julai, 2016 dengan peruntukan sebanyak RM1.4 bilion.

- Penambahan 500 unit Rondaan Bermotosikal PDRM dan 500 unit kereta peronda dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM35 juta.

- Merancang membina 2,000 unit lagi rumah mampu milik bagi PDRM, RM36 juta

untuk bina pejabat, kuarters dan naik taraf depoh tahanan imigresen.

- Untuk kurangkan kadar jenayah, RM155 juta untuk pembinaan 2 IPD baru di Lawas & KK, 10 IPD dan 5 balai polis yang dalam pembinaan.
- RM523 juta diperuntukkan untuk pembangunan kem tentera darat Esscomm di Sabah, RM160 juta diperuntukkan bagi membina 4,000 unit lagi kuarters ATM.
- Sebanyak RM17.3 bilion disediakan untuk Kementerian Pertahanan bagi perolehan 6 Littoral Combatant Ship, kereta berperisai, Airbus A-400M.
- RM180 juta disediakan bagi pengurusan bencana alam, RM730 juta bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir dan RM60 juta untuk Program Ramalan dan Amaran Banjir Negeri.
- Peruntukan hampir RM2 bilion kepada KPWKM untuk membantu golongan OKU, warga emas dan keluarga miskin.
- RM260 juta bagi bina dan naik taraf klinik desa, klinik kesihatan dan klinik pergigian; RM52 juta bagi operasi 328 K1M dan pembukaan 33 K1M baru.
- Memulakan operasi Hospital Wanita dan Kanak-kanak KL, yang bernilai RM848 juta pada Oktober 2016; Pembangunan Semula Hospital Kajang.
- RM155 juta bagi penyelenggaraan perumahan awam kos rendah dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia oleh KPKT.
- RM150 juta bagi membina dan membaik pulih 11,000 rumah daif di kawasan luar bandar oleh KKLW.
- Membina rumah generasi ke-2 peneroka, iaitu 20,000 rumah oleh Felda, 2,000 rumah oleh Felcra dan 2,000 rumah oleh Risda.
- Memperuntukkan RM60 juta kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli khusus untuk pembinaan rumah masyarakat Orang Asli.
- Membina 5k unit rumah PR1MA & PPA1M di 10 lokasi sekitar stesen dan koridor LRT serta monorel.
- Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama disediakan sebagai sumbangan kepada pembeli untuk rumah mampu milik bagi bayaran deposit. RM200 j diperuntukkan.
- Membina 22,300 unit pangsapuri dan 9,800 unit rumah teres di bawah Program Perumahan Rakyat oleh KPKT dengan peruntukan RM863 juta.
- Bina 100,000 rumah PPA1M, menjelang 2018 dengan harga di antara RM90,000 - RM300,000. Bantuan Dana Mudahcara sehingga 25% daripada kos pembangunan.

- Membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB, dgn pemberian subsidi RM20,000 bagi seunit rumah dengan peruntukan RM200 juta.
- Membina 175,000 unit rumah oleh PR1MA, yang dijual 20% di bawah harga pasaran, dengan peruntukan RM1.6 bilion.
- Paras pengaktifan Insentif Pengeluaran Getah dinaikkan RM5.50/kg SMR20 Freight On Board. Getah sekerap dinaikkan RM2.20/kg.
- Untuk kebajikan dan kemajuan masyarakat Orang Asli, sebanyak RM300 juta disediakan.
- RM40 juta bagi laksanakan projek infrastruktur dan program pinjaman mudah kepada penduduk kampung baru Cina bagi pembayaran premium tanah dan membaik pulih rumah.
- RM100 juta disediakan di bawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India.
- RM50 juta disediakan oleh SME Bank untuk membantu usahawan kecil India.
- Meningkatkan perkhidmatan Klinik Bergerak 1Malaysia di pedalaman Sabah dan Sarawak, termasuk pembelian bot dan kenderaan baru.
- RM115 juta disediakan khusus bagi Program Khas Bumiputera Sabah dan Sarawak, seperti untuk projek native customary rights.
- RM70 juta sebagai subsidi baja padi huma utk tingkatkan bekalan makanan dan pendapatan penanam seluas 65k hektar di Sarawak dan 11,000 hektar di Sabah.
- Perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan Rural Air Services dikecualikan daripada GST.
- Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 1090 km, dijangka siap sepenuhnya 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM16.1 bilion.
- Mara diperuntukkan RM3.7 bilion, termasuk menaja pengajian 72,000 pelajar Bumiputera di peringkat pendidikan tinggi.
- RM150 juta kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera untuk program Peneraju Tunas, Peneraju Profesional serta Peneraju Skil dan Iltizam.
- RM150 juta disalurkan kepada Teraju untuk pelbagai program termasuk Skim Usahawan Permulaan Bumiputera dan Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi.
- Pemerksaan Bumiputera adalah agenda nasional dan ini tentunya, merangkumi pembangunan masyarakat Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

- RM160 juta untuk NGO bagi melaksanakan program berasaskan pembangunan komuniti, perpaduan, kebajikan masyarakat, kesihatan dan keselamatan.
- RM360 juta untuk tambah baik PLKN bagi 20,000 pelatih. Ia melibatkan kurikulum baru seperti kemahiran berfikir secara kreatif dan kemahiran teknikal.
- RM145 juta untuk mempersiapkan atlet negara menghadapi cabaran Sukan SEA ke-29, dan Sukan Para Asean ke-9 ppada 2017 di KL.
- Kita sasarkan 60% daripada 1.5 juta pekerjaan baharu adalah pekerja berkemahiran TVET menjelang 2020. RM4.8 bilion diperuntukkan kepada 545 Institusi.
- Program Baucar Buku 1M bernilai RM250 bagi 1.2 juta pelajar diteruskan, kaedah penebusan hanya di kedai buku yang diiktiraf.
- Had maksima pelepasan cukai ke atas yuran pengajian pendidikan tinggi bagi pembayar cukai individu, dinaikkan kepada RM7,000 daripada RM5,000 setahun.
- Bantuan persekolahan RM100 diteruskan, dikhususkan kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah. Ini memanfaatkan 3.5 juta pelajar dengan RM350 juta.
- Untuk peringkat kelas pra sekolah pula, RM44.6 juta diperuntukkan untuk pelbagai program di 9,113 kelas seluruh Malaysia.
- Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-25, RM41.3 bilion diperuntukkan. Antara lain, kerajaan akan bina 30 sekolah rendah, 27sekolah menengah, 4 MRSM, 5 SBP.
- Melanjutkan tempoh pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sehingga 31 Disember 2017, dengan dana sebanyak RM1.2 bilion.
- RM30 juta untuk keusahawanan gen muda spt Global Entrprnshp Community, Bahtera, Great, 1MET, Nat Innovtn Comptn, Prjk Perintis Coding.
- PKS yang membuat perbelanjaan R&D sehingga RM50,000 bagi setiap tahun taksiran, layak menuntut potongan cukai 2 kali secara automatik.
- Bagi menjadikan negara sebagai hab teknologi yang kompetitif di rantau ini, RM1.5 bilion diperuntukkan kepada Kem Sains, Teknologi dan Inovasi.
- Pengecualian cukai sedia ada sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun kepada pengusaha pelancongan dilanjutkan mulai 2016 sehingga 2018.
- Untuk 2016, kerajaan sasarkan 30.5 juta pelancong yang dijangka menyumbang RM103 bilion kepada ekonomi. RM1.2 bilion diperuntukkan kepada Kementerian

Pelancongan.

- RM1.4 bilion bagi membina serta naik taraf jalan luar bandar sepanjang 700km di seluruh negara. RM200 juta bagi menaik taraf jalan di kawasan penempatan Felda.
- SKMM menyediakan RM1.2 bilion, antara lain, untuk meningkatkan kelajuan Internet luar bandar dari 5 Megabit sesaat, kpd 20 Megabit sesaat.
- Projek LRT3 dari Bandar Utama, Damansara-Johan Setia, Klang dengan anggaran kos pembinaan RM10 bilion mula dibina 2016, siap pada 2020.
- RM42 juta disediakan bagi pembinaan Lapangan Terbang Mukah, Sarawak dan menaik taraf lapangan terbang di Kuantan dan Kota Baru.
- RM900 juta diperuntukkan untuk Projek Penyuraian Trafik Jln Tun Razak, yang akan dilaksanakan secara kerjasama strategik awam-swasta.
- Menubuhkan dana pinjaman mudah SME Tech Transformation Fund sejumlah RM200 juta, di bawah SME Bank pada kadar faedah 4%.
- RM107 juta utk Pelan Induk PKS bagi pemberian dana, RM60 juta utk Skim Anjakan Usahawan dan Skim Peningkatan Kapasiti serta Keupayaan PKS.
- Pengecualian duti setem sebanyak 20% ke atas surat cara pembiayaan patuh syariah untuk pembelian rumah.
- Tambahan RM1 bilion bagi Skim Dana Pembiayaan PKS Patuh Syariah sehingga 31 Disember 2017, kerajaan tanggung 2* daripada kadar keuntungan pembiayaan.
- Khazanah juga memperuntukkan RM500 juta untuk modal teroka dan dana ekuiti persendirian termasuk dana teroka modal pelancongan sebanyak RM50 juta.
- Melaksana Cyber City Centre di Cyberjaya dengan nilai pembangunan hampir RM11 bilion dalam tempoh 5 tahun.
- Membangun Bandar Lapangan Terbang atau Aeropolis KLIA di kawasan seluas 1,300 ekar dan dijangka menarik pelaburan sebanyak RM7 bilion.
- Pelaburan seterusnya dianggarkan RM18 bilion untuk 2016 bagi Projek RAPID Complex di Pengerang, Johor.
- Pembangunan RubberCity di Kedah dengan peruntukan RM320 juta, Taman Perindustrian Samalaju, Sarawak RM142 juta dan Jeti Minyak Sawit di Sandakan RM20 juta.
- Syarikat sedia ada dalam pengilangan dan pertanian terpilih yang tamat tempoh Elaun Pelaburan Semula, insentif Elaun Pelaburan Semula Khas akan diberikan.

- Tanpa tambahan kutipan cukai, kerajaan terpaksa pinjam untuk bayar gaji penjawat awam, penarafan kredit negara diturunkan dan kos pinjaman meningkat.
- Tanpa GST, defisit negara akan meningkat 4.8% dan bukan 3.1% seperti disasarkan 2016.
- Kutipan cukai SST hanya RM18 bilion berbanding kutipan GST sebanyak RM39 bilion.
- Kutipan GST terpaksa menampung sebahagian kekurangan kutipan hasil petroliam.
- Harga minyak dunia dijangka kekal rendah pada 2016 dan kutipan hasil sumber berkaitan minyak dianggar RM31.7 bilion.
- Malaysia tidak dapat lari daripada kelembapan ekonomi global, penurunan harga komoditi, penyusutan nilai ringgit, pertumbuhan perlahan negara kuasa besar ekonomi dunia.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-bentang-bajet-2016-di-dewan-rakyat>